

# **PATRIOTISME: KONSEP DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA**

**Nazri Muslim**

[nazrim@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:nazrim@pkrisc.cc.ukm.my)

**Jamsari Alias**

[jamsari@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:jamsari@pkrisc.cc.ukm.my)

Pusat Pengajian Umum  
Aras 3, Bangunan Canselori  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-89213580 Faks: 03-89252976

## **ABSTRAK**

Patriotisme yang seringkali dikaitkan dengan cintakan watan adalah satu semangat atau nilai yang perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat khususnya generasi muda. Antara faktor yang menyumbang kepada kebejatan sosial dalam masyarakat mutakhir ini ialah akibat luntarnya semangat patriotisme yang dihayati khususnya generasi muda. Maka, nilai-nilai patriotisme yang merupakan sebahagian daripada nilai-nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Oleh itu, sangat wajar khususnya generasi muda menjadikan nilai-nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat Malaysia demi kelangsungan negara dalam menghadapi era pasca modenisme dan dikenali sebagai masyarakat majmuk. Kekurangan penghayatan nilai-nilai patriotisme akan menyebabkan pelajar menjadi mangsa kepada pelbagai penyakit sosial. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai konsep patriotisme, senario yang berlaku di Malaysia, halangan yang boleh mengganggu-gugat penyuburan semangat patriotisme dan cadangan penyelesaian yang boleh dikemukakan dalam mengukuhkan lagi semangat patriotisme khususnya di kalangan generasi muda.

## **1. Pengenalan**

Patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sendiri. Seseorang itu dianggap berjiwa patriot apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar Nik Mahmud: 2002). Namun, mutakhir ini, semangat patriotisme kelihatan agak longgar di kalangan masyarakat khususnya di kalangan pelajar. Semangat yang longgar ini ditandai dengan kurangnya penglibatan pelajar dalam pasukan beruniform, sambutan bulan kemerdekaan yang agak hambar, penglibatan dalam jenayah dan isu-isu yang menyentuh kedaulatan negara dianggap terencil dan remeh seperti isu Pulau Batu Putih dan penambakan laut oleh negara jiran (Affifuddin Omar: 2002). Situasi ini menunjukkan bahawa para pelajar tidak memahami nilai-nilai patriotisme dan menghayatinya.

## **2. Konsep Patriotisme**

Patriotisme berasal daripada bahasa Greek, iaitu *patriotes* yang bermaksud *fellow countrymen*, iaitu rakan senegara dan *patrice* yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara. Ini membawa pengertian individu atau kumpulan yang berada di hadapan dalam usaha membela tanah air. Seorang patriot dikatakan sebagai seorang yang cintakan negaranya dan akan membuat apa sahaja untuk mempertahankannya. Patriot bermaksud orang yang mempertahankan (memperjuangkan) kebebasan atau hak tanah air atau pembela negara (Kamus Dewan dan Oxford English Dictionary). Patriot juga bererti orang yang cinta tanah airnya dan akan melakukan apa saja demi untuknya (New Webster's Dictionary).

Patriotisme juga membawa erti fahaman atau pegangan serta kepercayaan yang menggabungkan individu, kelompok dan wilayah di mana kelompok tersebut menghuni. Ianya juga melibatkan slogan dan simbol yang mencetuskan pengaruh yang kuat terhadap tingkahlaku manusia. Ianya sering kali dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nordin Kardi: 2003).

Manakala Bill Totten (1998) menjelaskan patriotisme bermaksud semangat cintakan negara. Menurut beliau, tidak ada bangsa, keluarga, pasukan dan kumpulan dalam apa bentuk pun boleh berfungsi dengan baik melainkan semua ahli cintakan negara. Bagi Doob (1964), beliau menjelaskan patriotisme itu ialah *'as the more or less conscious conviction of a person that his own welfare and that of the significant groups to which he belongs are dependent upon the preservation or expansion (or both) of the power and culture of his society'*.

Dalam dunia globalisasi dan ledakan era teknologi maklumat, semangat patriotisme amat penting sekali seperti yang sering disebut iaitu kasihkan watan itu sebahagian daripada iman. Syeikh Daud Abdullah al-Fatani, seorang ulama besar Patani pernah mengingatkan bahawa mempertahankan negara daripada penjajahan ataupun tekanan kuasa asing (khususnya kafir harbi) adalah fardu ain. Tanpa semangat ini, kita tidak boleh yakin kita dapat bertahan (Nik Anuar Nik Mahmud: 2002).

Walaupun patriotisme adakalanya diseirinkan dan disamakan dengan nasionalisme, tetapi keduanya mempunyai kelainan (Saifuddin Abdullah: 2002). Harulah dinyatakan secara jelas bahawa disebabkan ciri-ciri, sifat nasionalisme itu sendiri adalah berbagai-bagai, manakala fenomena nasionalisme pula boleh muncul dengan rupa bentuk yang sama sekali berlainan, atas sebab dan faktor yang juga berbeza, maka menyamakan konsep patriotisme dengan nasionalisme adalah satu langkah yang kurang tepat dari segi keilmuannya (Mohamed Mustafa Ishak: 2000). Menurut Doob (1964), perbezaan antara nasionalisme dan patriotisme, nasionalisme ialah ideologi tentang kelebihan bangsa sendiri dan berkait rapat dengan unsur-unsur ras, bahasa dan adat. Manakala patriotisme ialah sentimen cintakan negara dan berkait rapat dengan emosi mempertahankan kedaulatan negara, institusi politik dan undang-undang daripada dicerobohi oleh kuasa asing.

Jika ditinjau sejarah perkembangan patriotisme, ia telah lama wujud seiring dengan kewujudan manusia itu sendiri. Bagi Awang Had Salleh (1995), sejarah patriotisme telah lama wujud dalam peradapan manusia sejak manusia yang sebelumnya hidup berkomuniti kecil terasing atau terpencil mulai memasuki penghidupan dalam komuniti lebih besar berlandaskan dua kesan iaitu:

1. wujudnya daerah bumi.
2. mempertahankan identiti bangsa.

Di Malaysia, sejarah kebangkitan bangsa daripada belunggu penjajahan untuk membentuk negara yang bebas merdeka dan memperlihatkan perjuangan sesuatu bangsa yang penuh dengan semangat patriotisme. Semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh generasi terdahulu sanggup berkorban demi mempertahankan negara adalah contoh yang patut dihidupkan sepanjang masa. Pengkaji sejarah melihat semangat patriotisme di Malaysia bermula sejak Zaman Melaka dan menyemarak pada abad ke 17 (Abdul Latif Abu Bakar: 1996).

Secara umumnya patriotisme bersifat motivasi, rasional, harapan dan pembaharuan semula, kelangsungan hidup, rela berkorban, organisasi kesukarelaan, kenegaraan dan cinta negara. Maka, dalam konteks negara Malaysia, patriotisme yang ingin diterapkan adalah mempunyai nilai-nilai berikut:

### **1. Berbangga sebagai rakyat Malaysia**

- berakhlak dan berbudi pekerti mulia
- menghormati raja dan pemimpin negara
- menghormati lambang-lambang negara (seperti bendera, lagu kebangsaan, jata negara)

- menjaga dan mempertahankan maruah bangsa dan negara
- menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa

## **2. Bersemangat setia negara**

- cintakan bangsa dan negara
- taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara
- sedia berkorban untuk bangsa dan negara
- bertanggungjawab kepada bangsa dan negara
- berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara
- peka kepada masalah dan isu tentang bangsa dan negara

## **3. Bersemangat kekitaan**

- bersatupadu dan berharmoni
- bertolak ansur dan bertoleransi
- bekerjasama dan tolong-menolong
- hormat-menghormati
- bersefahaman dan bermuafakat
- muhibah

## **4. Berdisiplin**

- mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan Negara
- mematuhi peraturan dan undang-undang
- berkelakuan sopan dan bertatasusila
- bertanggungjawab
- bertindak dengan wajar
- bersifat amanah dan jujur
- berlaku adil dan bertimbang rasa

## **5. Berusaha dan produktif**

- rajin dan gigih
- berdikari
- sentiasa mempertingkatkan usaha
- tabah menghadapi cabaran
- menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara

Nilai-nilai patriotisme ini telah diterima dan digunapakai oleh Kementerian Pendidikan (1994, 2000), Ahmad Fawzi Basri (2002), Sharifah Buyung, Jaizah Mahamud (2001), Haminah Suhaibo (1999) dan Ahmad Ahmad Rusdi (2002).

### **3. Senario Patriotisme di Malaysia**

Pemupukan dan penghayatan nilai-nilai patriotisme telah bermula sejak daripada sekolah rendah. Menurut Buku Panduan Pemupukan Patriotisme Di Sekolah Rendah (Kementerian Pendidikan: 1994), nilai-nilai patriotisme perlu diterapkan melalui kurikulum dan ko-kurikulum. Oleh itu, subjek seperti Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Kajian Tempatan dan lain-lain subjek sekolah rendah, perlu diterapkan nilai-nilai patriotisme yang disepadukan melalui topik yang diajar. Begitu juga melalui ko-kurikulum seperti aktiviti sukan, lawatan sambil belajar dan sebagainya. Manakala di peringkat menengah pula, penerapan nilai-nilai patriotisme dibuat melalui subjek Sejarah, Pendidikan Moral, Geografi, Pendidikan Islam dan subjek-subjek yang lain. Walau bagaimanapun, setelah melalui proses pendidikan selama 13 tahun, ternyata penghayatan semangat patriotisme di kalangan pelajar masih longgar dan berada pada tahap sederhana (Rizal Uzir: 2002).

Bagi Wan Zahid (1993) pula, bangsa dan negara yang kuat serta mulia tidak hanya bergantung kepada kekuatan fizikalnya yang bercorak kebendaan dan teknologi. Maka negara harus membina kekuatan di atas asas budaya, ilmu pengetahuan, akhlak mulia, keyakinan diri yang teguh, semangat tanggungjawab dan pengorbanan diri yang tinggi. Maka, nilai-nilai patriotisme yang merupakan sebahagian daripada nilai-nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Justeru, wajar para pelajar terutamanya di peringkat menengah menjadikan nilai-nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan.

Kekurangan penghayatan nilai-nilai patriotisme akan menyebabkan pelajar menjadi mangsa kepada pelbagai penyakit sosial.

Generasi muda hari ini hendaklah sentiasa memupuk semangat setia dan patriotisme dan tidak melakukan sesuatu yang boleh merugikan bangsa dan negara. Sikap berpuak-puak dan bermusuhan sesama sendiri akan menghancurkan semangat patriotisme. Oleh itu, mereka perlu mengamalkan falsafah hidup yang tidak mengutamakan kepentingan diri semata-mata, kepentingan negara hendaklah diambil kira bersama kerana kepentingan negara akan membawa kebaikan yang lebih baik kepada diri sendiri.

Sewajarnya nilai-nilai patriotisme perlu ditanam dalam jiwa remaja kerana pada peringkat ini remaja masih dalam proses menuju dewasa. Patriotisme dapat mengajar remaja mendisiplinkan diri mereka. Disiplin yang utuh akan membantu mereka mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. Negara memerlukan generasi yang berdisiplin dan produktif kerana ia menjadi kemudi pembangunan dan kepimpinan negara pada masa akan datang (Mahathir dan Belia; dalam Saifuddin: 2002).

Kenyataan mantan Perdana Menteri ini memperlihatkan betapa pentingnya nilai-nilai patriotisme itu dipupuk dalam jiwa setiap rakyat Malaysia agar tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur asing yang mempamerkan acuan lain di luar ciri-ciri Malaysia.

Nilai-nilai patriotisme ini juga penting dalam melahirkan warganegara yang cintakan negara, aktif dan produktif di dalam pembangunan negara. Kesedaran betapa pentingnya nilai-nilai patriotisme dilihat juga daripada bermacam-macam usaha yang diambil oleh agensi lain dari sektor pendidikan non formal dan juga dari sektor di luar pendidikan seperti Kementerian Belia dan Sukan.

Kerajaan dan ibu bapa melihat nilai-nilai patriotisme penting bagi semua anggota masyarakat lebih-lebih lagi bagi golongan yang bakal menjadi pemimpin negara. Kepentingan patriotisme dihubungkan dengan kesedaran bahawa belia-belia perlu disediakan dengan pendidikan formal dan tidak formal yang boleh membantu mereka menyediakan diri untuk menjalani hidup sebagai warganegara yang baik, produktif, bermoral, berdisiplin, bertanggungjawab dan seterusnya mempertahankan negara (Robiah dan Zahara: 1992).

Golongan pelajar adalah satu golongan yang besar. Apabila dihalusi, istilah besar ini membawa erti yang luas jika diambilkira bahawa golongan ini juga adalah golongan yang paling berpengaruh kerana pelajarlah yang mewakili masa depan negara. Identiti negara dan penerus budayanya adalah dicorakkan oleh pelajar hari ini. Dalam pada itu, golongan pelajar merupakan golongan yang senang dipengaruhi dan mudah dicabar. Dalam keadaan masyarakat yang sedang bergolak menghadapi dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang begitu besar, pelajar begitu mudah dipengaruhi dan memerlukan bimbingan tertentu. Tanpa bimbingan mereka senang menjadi sasaran bermacam-macam unsur negatif yang sudah pasti timbul selari dengan perubahan yang berlaku. Tanda-tanda ini telah banyak kelihatan, yang ketara ialah tingkahlaku yang bercorak jenayah, penyalahgunaan dadah, bersikap mengagungkan nilai-nilai luaran dan memandang rendah unsur-unsur dalam negara, bersikap tidak apa dan lain-lain.

Begitu juga, sikap individu dan materialistik yang menjadi aliran hidup masa kini seolah-olah menyekat perkembangan sikap dan semangat patriotisme. Era kepesatan ekonomi masa kini seolah-olah menarik seluruh tenaga dan fikiran umum ke arah yang bercorak materialistik. Daripada tinjauan rambang ke atas remaja di Kuala Lumpur, kebanyakan mereka mengaku semangat patriotisme tidak wujud lagi. Kalau ada pun peratusnya sedikit sekali (Fahda Nur Akma: 1995).

Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Tajul Ariffin Nordin (1985) yang mengatakan antara sebab patriotisme luntur di kalangan pelajar ialah kemewahan hidup. Matlamat utama pembangunan adalah dalam sektor pembangunan berasaskan sains dan teknologi, nilai-nilai kebendaan, kekayaan dan kemewahan diletakkan terlalu tinggi dari nilai-nilai agama, moral, akhlak, sejarah dan negara. Oleh itu, tidak hairanlah apabila mereka telah memperolehi kekayaan dan kemewahan, sikap dan tanggungjawab terhadap negara dilupakan. Fenomena ini benar di seluruh negara.

Mutakhir ini, didapati keterlibatan remaja atau pelajar sekolah dalam jenayah adalah akibat lunturnya nilai-nilai patriotisme. Kurangnya semangat patriotik di kalangan generasi muda hari ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan sebahagian daripada mereka lebih cenderung kepada aktiviti yang tidak berfaedah, seperti terlibat dalam budaya hedonisme (mementingkan hiburan atau keseronokan) kerana jiwa mereka kosong dari segi nilai dan rasa kecintaan kepada agama, bangsa dan negara. Hal ini mungkin disebabkan salah satu faktornya, iaitu kurangnya pendedahan terhadap patriotisme yang diterima atau jika banyak pun, kurang berkesan (Ahmad Ahmad Rusdi: 2002). Kemungkinan juga ia disebabkan amalan patriotisme yang diamalkan oleh para pelajar berbeza dengan nilai-nilai patriotisme yang ingin diterapkan kepada mereka.

Umumnya, terdapat pandangan yang mengatakan bahawa semangat patriotisme di kalangan pelajar khususnya bukan Melayu adalah rendah berbanding pelajar Melayu. Jika dilihat dari segi bilangan kaum yang menyertai PALAPES dalam tahun 2002, bilangan pelajar Melayu yang menganggotai PALAPES ialah seramai 856 orang (93.4%), Cina 27 orang (3%), India 3 orang (0.3%) dan Iban 30 orang (3.3%). Dan kemungkinan besar peratusan yang sama dalam Kadet Tentera di peringkat sekolah (Siti Azizah Abod: 2002). Berdasarkan kajian Ibrahim Saad (1980) pula, menunjukkan tahap patriotisme di kalangan pelajar bukan Melayu rendah. Adakah ini menunjukkan tahap kesedaran patriotisme di kalangan pelajar bukan Melayu rendah.

Di Malaysia, kebanyakan kajian bersifat menilai matapelajaran tertentu seperti Sejarah atau Kajian Tempatan dalam menerapkan nilai-nilai patriotisme. Begitu juga, kajian yang ada tertumpu kepada aspek penerapan dan pengajaran nilai-nilai patriotisme oleh guru-guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Rizal Uzir: 2002).

Zahara Aziz (1985) telah menjalankan kajian di kalangan responden lepasan sekolah menengah dalam lingkungan umur 19-21 tahun. Hasil kajian mendapati pendidikan sivik gagal memainkan peranan untuk memberi pengetahuan dan nilai serta perasaan kebanggaan kepada negara di kalangan generasi muda. Beliau menegaskan bahawa faktor pengajaran yang lemah di sekolah mempengaruhi penerimaan dan gerak balas pelajar-pelajar kepada mata pelajaran sivik.

Kajian yang dibuat oleh Rizal Uzir (2002) pula menyentuh mengenai nilai-nilai kewarganegaraan di kalangan pelajar tingkatan enam. Kajian beliau melihat pengetahuan, sikap dan tanggapan pelajar terhadap konsep dan nilai-nilai kewarganegaraan. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa setelah 13 tahun mengalami proses pendidikan di sekolah, pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap nilai-nilai kewarganegaraan masih lagi longgar dan berada pada tahap sederhana.

Kajian yang dibuat oleh Haminah Suhaibo (1999) mengenai kefahaman dan amalan unsur patriotisme melalui matapelajaran sejarah yang dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah atas, menunjukkan sebahagian besar pelajar memahami unsur-unsur patriotisme kecuali aspek lambang-lambang negara, berani dan sanggup mempertahankan negara, peka terhadap masalah dan isu negara dan muhibah. Manakala dari segi amalan, pelajar kurang mengamalkan amalan ketaatan kepada pemimpin dan negara, sebahagian besar unsur disiplin dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara.

Kajian telah menunjukkan bahawa muda mudi di negara-negara Barat yang meninggalkan sekolah sangat kurang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan bagi seseorang warganegara yang mengetahui bagaimana untuk mempertahankan hak siviknya dalam negara (Stradling dalam Zahara Aziz: 1992).

#### **4. Halangan dan Cabaran Dalam Penyemaian Patriotisme di Malaysia**

Terdapat beberapa faktor yang menghalang usaha menyemai dan menyubur semangat patriotisme di kalangan masyarakat, lebih-lebih lagi apabila rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum atau masyarakat majmuk. Pertama ialah nilai-nilai individualisme. Sikap ini merujuk kepada mementingkan diri tanpa menghiraukan kepentingan negara dan masyarakat. Mereka yang mengamalkan sikap ini akan berusaha agar diri mereka didahulukan dari kepentingan negara jika berlaku sesuatu hal seperti negara mengalami kegawatan ekonomi atau berada dalam peperangan, maka mereka akan melarikan diri ke

negara lain. Sikap ini semakin merebak dalam masyarakat yang boleh ditandai melalui perkembangan sikap 'individu autonomi' atau individu berdaulat.

Kedua ialah, era globalisasi dan liberalisme. Era globalisasi dan liberalisme merujuk kepada negara tanpa sempadan, perdagangan bebas, kemasukan budaya asing dengan mudah dan sebagainya. Situasi ini akan melahirkan masyarakat yang bebas, mudah terpengaruh dengan budaya asing yang negatif, ekonomi negara dikuasai oleh syarikat multinasional dan sektor pelaburan dimonopoli oleh negara maju. Akibatnya, kedaulatan negara akan tergugat dan masyarakat akan terikut dengan budaya asing dan seterusnya, semangat cintakan negara akan terkubur. Inilah yang dibimbangi oleh Perdana Menteri iaitu globalisasi menyebabkan negara menjadi hanya sebuah daerah dunia, dan pada ketika itu sukar untuk memupuk semangat patriotisme pada sebuah negara yang tidak wujud lagi.

Ketiga ialah sikap prasangka. Ia merupakan tindakan menyangka dahulu berasaskan generalisasi-generalisasi umum (stereotaip) tanpa bukti yang kukuh dan biasanya merupakan sangkaan buruk. Jika ini telah menjadi stereotaip, ia akan sukar diubah walaupun ada bukti untuk menafikannya. Sebagai contoh, jika masyarakat bukan Melayu menganggap Malaysia adalah tanah air bagi masyarakat Melayu dan bukan Melayu sebagai pendatang, maka ia akan menyebabkan semangat patriotisme itu sukar untuk disemai dalam diri masyarakat bukan Melayu. Ini ditambah lagi dengan masyarakat berbilang kaum di mana sifat prasangka antara kaum masih lagi dijiwai oleh rakyat.

Keempat ialah sentimen perkauman, Ia merupakan sikap mementingkan kumpulan etnik sendiri. Fenomena ini wujud dalam aspek ekonomi, politik dan sosial di mana setiap kumpulan etnik akan mementingkan kumpulannya sahaja. Ini ditambah lagi dengan pemisahan fizikal tempat kediaman, perbezaan sosio-ekonomi di kalangan kaum dan perbezaan budaya pula ditonjolkan dalam setiap kehidupan. Keadaan ini akan membawa kepada perjuangan kepentingan kaum dari kepentingan negara. Dalam masyarakat berbilang kaum, agama dan keturunan, isu patriotisme lebih mencabar kerana unsur keturunan dan agama boleh mempengaruhi jiwa dan idealisme seseorang. Ini kerana mereka akan menjaga survival diri dan kelompoknya sahaja tanpa mengutamakan kepentingan bangsa dan negara.

## **5. Cadangan Penyelesaian**

Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menyedari bahawa patriotisme penting dalam ketahanan nasional bagi menghalang sebarang bentuk ancaman sama ada dari dalam atau luar negara. Kerajaan perlu menjadikan patriotisme sebagai agenda negara kerana patriotisme adalah tunjang kepada perpaduan nasional dan pembinaan bangsa bermaruah. Justeru, beberapa aspek perlu diberikan penekanan yang sewajarnya. Pertamanya melalui pendidikan. Semangat patriotisme ini mampu disuburkan melalui pendidikan sejarah, sivik dan kenegaraan Malaysia. Perbincangannya perlu diperluaskan lagi dengan menekankan kepada perkembangan dan sumbangan tokoh-tokoh dalam membebaskan tanah air dari penjajahan dan membangunkan negara. Sebagai contoh, para pelajar perlu didedahkan dengan lebih serius sejarah perjuangan menentang penjajah dan penceroboh seperti Tok Janggut, Dato Maharaja Lela, Datuk Sagor, Tengku Menteri (Ngah Ibrahim), Long Jaafar, Leftenan Adnan Saidi, Panglima Salleh Selempang Merah, Syed Syeikh al-Hadi dan Datuk Onn Jaafar untuk melahirkan semangat patriotisme untuk anak bangsa kini.

Kor Setia Negara juga perlu diwujudkan di setiap sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) kerana ia boleh digunakan sebagai landasan untuk memperkenalkan asas-asas patriotisme dan memperkukuhkan Program Khidmat Negara dalam jangka panjang. Manakala aktiviti ko-kurikulum daripada peringkat sekolah hingga IPT juga harus menerapkan unsur-unsur patriotisme dalam setiap program dan agenda.

Kedua menerusi kegiatan belia. Ini boleh dilakukan melalui program Rakan Muda dan yang utamanya golongan belia bukan Melayu digalakkan menyertai pasukan tentera dan polis serta lain-lain pertubuhan yang bersifat patriotik. Berdasarkan statistik, sehingga kini daripada lebih 51,000 anggota Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (sukarelawan), hanya 8.8 peratus Cina, 6.6 peratus India dan 6.6 peratus lagi lain-lain kaum. Melalui seminar atau kursus perhimpunan patriotik belia, proses pembangunan negara dan seumpamanya perlu disemarakkan lagi agar program yang dianjurkan dapat menusuk ke dalam kalbu sehingga menggerakkan jiwa golongan belia menghayati semangat patriotisme ini.

Generasi muda juga wajib menguasai ilmu pengetahuan dan mendapat pendidikan sempurna yang merangkumi aspek kerohanian, mental dan adab, meliputi disiplin ilmu aqli dan naqli.

Ketiganya melalui media massa, sama ada bercetak atau elektronik yang perlu digerakkan bagi membangkitkan dan memekarkan semangat patriotisme. Ini boleh dilakukan dengan menerbitkan komik, cerpen dan filem yang berbentuk patriotik. Filem-filem seperti Sarjan Hassan, Bukit Kepong dan Leftenan Adnan perlu diperbanyakkan. Media elektronik pula perlu selalu menyiarkan lagu-lagu patriotik, menerbitkan dokumentari tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan dan meyebar-luaskan semangat patriotisme dalam rancangan yang diterbitkan.

Keempat melalui kegiatan sukan, seni dan budaya. Pembangunan sukan khususnya sukan popular seperti bola sepak, badminton, hoki, olahraga dan sebagainya perlu mencapai taraf dunia kerana sukan berupaya menjana patriotisme dan menyatukan rakyat dengan cara yang cukup mudah dan berkesan. Pencapaian tinggi atlet dan pasukan kebangsaan di peringkat Asia dan dunia sangat penting untuk memulih kembali imej dan rasa bangga diri rakyat Malaysia terhadap negara. Begitu juga dengan seni dan budaya perlu diketengahkan ke peringkat antarabangsa bagi melahirkan semangat cintakan budaya Malaysia dan seterusnya membendung budaya asing yang tidak sesuai dengan budaya tempatan.

Kelima ialah usaha pihak kerajaan dan NGO. Pihak kerajaan perlu menguatkuasakan peraturan yang mewajibkan ketua jabatan dan majikan memberi pelepasan kepada kakitangan mengikuti pasukan dan pertubuhan bersifat patriotik. Program-program yang berbentuk patriotisme perlu disemarakkan lagi seperti Bulan Kemerdekaan, mengibarkan Jalur Gemilang dan sebagainya. Di pihak NGO pula, perlu dipergiatkan lagi aktiviti kesukarelaan seperti membantu mangsa bencana alam atau peperangan baik di dalam negeri mahupun luar negeri.

## **6. Kesimpulan**

Agenda patriotisme perlu disemarakkan di kalangan rakyat Malaysia dan bukan hanya bermusim. Sebagai sebuah negara berbilang bangsa, maka tanggungjawab mempertahankan negara perlu dipikul oleh semua rakyat. Semangat patriotisme perlu dihayati kerana ia adalah teras kepada pertahanan negara. Oleh itu, kita perlu suburkan kembali jiwa patriotik yang sebenarnya. Dengan nikmat kemerdekaan yang dikecapi kini, kita perlu bergerak maju dan pada masa yang sama menghapuskan saki-baki penjajah yang masih lagi bersarang dalam jiwa masyarakat. Semoga negara dan bangsa Malaysia akan terus maju dengan semangat patriotisme sejati.

## **RUJUKAN**

- Abdul Latiff Abu Bakar. 1996. Konsep Patriotisme dan Nasionalisme. Abdul Latiff Abu Bakar dalam *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Affifuddin Omar. 2002. Dasar bahasa dan budaya Malaysia tidak konsisten. *Berita Harian*, 22 Ogos: 9.
- Ahmad Ahmad Rusdi, 2002. *Permasalahan Pelaksanaan Unsur Patriotisme Dalam Mata pelajaran Kajian Tempatan: Punca Daripada Guru Sendiri*. Alor Setar: Institut Penguruan Darulaman.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. 2002. *Patriotisme dan Ketahanan Nasional: Suatu Pandangan tentang Kesignifikannya Sebagai Agenda Negara*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.

- Awang Had Salleh. 1995. Patriotisme dan Globalisme Alam Konteks Pergerakan Bahasa dan Sastra Kebangsaan. Kertas kerja yang dibentang di Persidangan Hari Sastra pada 26-28 May 1995.Melaka.
- Cik Siti Azizah Abod. 2002. *Dasar Pertahanan Negara dan Patriotisme*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Davies, I & Mark, E. 2002. Encourging Active Citizenship, *Educational Review* 54, (1); 69-78.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Doob, Leonard. 1964. *Patriotism and Nationalism: Their Psychological Foundations*. New Haven: Yale University Press.
- Fahda Nur A. Kamar. 1995. *Semangat Patriotisme di Kalangan Remaja*. Dewan Siswa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haminah Haji Suhaibo 1998. *Kefahaman dan amalan unsur patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah pelajaran sejarah di sekolah menengah atas Kuching* : Unit Sejarah, Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Jaizah Mahamud, Muhammad Khairuddin Lim Abdullah dan Ibrahim Md. Nor. *Tinjauan Terhadap Penerapan unsur Patriotisme Melalui Mata pelajaran Kajian Tempatan Di Kalangan Guru pelatih Semasa menjalani Praktikum*. Alor Setar: Institut Pengurusan Darulaman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. *Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2002. *Patriotisme dan Bangsa Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2002. *Patriotisme Dalam Penulisan Sejarah*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Nordin Kardi. 2003. *Konsep patriotisme*. <http://www.btn.gov.my/kp>.
- Rizal Uzir. 2002. *Nilai-Nilai Kewarganegaraan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Tinggi Kajang*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan: UKM.
- Robiah Sidin & Zahara Aziz. 1992, Pendidikan Sivik sejak merdeka - satu penilaian dalam Jaffar dan Hazami Habib. *Isu-Isu Dalam Pendidikan Sivik*.Kamarudin Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar.
- Robiah Sidin. 1992. Tujuan dan Haluan Pendidikan Dalam Abad ke 21, Dalam Juriah Long. *Aliran dalam Pendidikan Menjelang Abad Ke 21*. Bangi: Penerbit UKM.
- Saifuddin Abdullah. 2002. *Patriotisme Alaf Baru*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Sarifah Buyong. 1998. *Analisis Penerapan Nilai-nilai Kewarganegaraan dalam Teks Bahasa Melayu KBSM Tingkatan Satu*. *Buku Teks Bahasa Melayu KBSM Tingkatan Satu*. Dissertation (M.Ed.). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.



Tajul Ariffin Noordin. 1985. Kedudukan Pengajaran dan Pembelajaran Masa Kini dalam Konteks Pendidikan Kewarganegaraan dalam Adnan Haji Nawang. *Pendidikan dan Kewarganegaraan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung.

Totten B. *Patriotisme of Post War Japanese (Part 2)*. 1998. <http://www.billtotten.com>.

Wan Zahid Wan Nordin. 1993. *Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Zahara Aziz. 1992. Penerapan Pendidikan Kewarganegaraan dan Kesejahteraan Negara. Dalam Juriah Long. *Aliran Dalam Pendidikan Menjelang Aba Ke 21*. Bangi: Penerbit UKM.